



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuhraya Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**

Tel. : **03-8870 0015**
Faks : **03-8888 9528**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
Twitter : twitter.com/SPRMMalaysia
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Blog : www.ourdifferentview.com
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

'WALK STOP TALK: SIX HOURS QUARTER MILLION MESSAGES' SEBAR LUAS MESEJ CEGAH RASUAH MENERUSI WARGA PENDIDIK

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan program '*Walk Stop Talk: Six Hours Quarter Million Messages*' bagi menyebarkan mesej pencegahan rasuah kepada masyarakat umum di seluruh negara secara serentak hari ini.

Seramai 1,000 peserta termasuk pegawai SPRM dan warga pendidik daripada 27 kampus IPGM akan bergerak serentak ke 262 lokasi seluruh negara bermula pukul 9.00 pagi sehingga 3.00 petang untuk bersemuka dengan masyarakat dan seterusnya mengedarkan 250,000 risalah yang mengandungi maklumat berkaitan antirasuah serta mendapatkan tandatangan mereka sebagai tanda menyokong inisiatif menentang rasuah.

Kejayaan pihak penganjur bagi mendapatkan suku juta tandatangan masyarakat menentang jenayah rasuah akan menjadi penanda aras bagi mendapatkan pengiktirafan *The Malaysia Book of Records*.

Majlis Perasmian Penutupan '*Walk Stop Talk: Six Hours Quarter Million Messages*' disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sambil diiringi Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd. Shukri Abdull di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), hari ini.

Program yang julung kali diadakan ini bertujuan mewujudkan kerjasama yang jitu antara SPRM dengan warga pendidik yang dilihat sebagai ejen penyampai mesej antirasuah yang paling berpengaruh.

Tidak dinafikan program ini berperanan melatih siswazah pendidik untuk mendekati masyarakat serta mendidik mereka supaya berkolaboratif dengan SPRM dalam menentang jenayah rasuah.

Turut hadir Menteri Wilayah, YB Khalid Abd. Samad; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Sri Azam Baki; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil; Pengarah Sektor Hal Ehwal Pelajar & Hubungan Luar IPGM, Tengku Adli Raja Omar dan pegawai-pegawai kanan SPRM serta IPGM.

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA & INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

KUALA LUMPUR

7 JULAI 2018

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggabungan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).

ANDA BOLEH LAKUKAN PERUBAHAN PERANGI RASUAH